

SOALAN NO: 467

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW
KAWASAN : KEPONG**

SOALAN:

YB DR. TAN SENG GIAW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan projek dan kosnya yang dilaksanakan Kementeriannya sejak 2000. Apakah sistem tender dan pemantauannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan projek 1481 dengan kos sebanyak RM131,492,204,846. Sistem tender yang dibuat adalah melalui tender terhad, tender terbuka dan rundingan terus. Pemantauan projek dibuat melalui Sistem Kawal & Lapor (SKALA - pemantauan kemajuan projek dan juga prestasi kewangan projek) yang dibangunkan oleh JKR serta Sistem Pemantauan Projek II (SPP II - pemantauan kemajuan projek dan juga prestasi kewangan projek) yang di bawah kawalan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

Sekian, terima kasih.